

# Stars Of Science Bawakan Sembilan Penginovasi Terbaiknya

DOHA, Qatar, 17 Oktober 2018/PRNewswire/ --

*Bilangan wanita mencatat rekod dalam Senarai Pendek Stars of Science*

Rancangan TV realiti didik hibur Qatar Foundation (QF) *Stars of Science* telah mengakhiri sesi uji bakat bagi Musim 10 dan pertandingannya baru sahaja bermula. Pihak juri memilih sembilan perancang inovasi terbaik yang kini akan terbang ke bengkel-bengkel Taman Sains & Teknologi Qatar untuk menukarkan idea mereka kepada produk dan bersaing untuk merebut gelaran ulung rancangan tersebut, 'Peginovasi Arab Terbaik'.

Untuk melihat Hebahan Berita Multimedia, sila klik:

<https://www.multivu.com/players/uk/8430051-stars-of-science-present-top-innovators/>

Empat daripada sembilan peginovasi terbaik ialah wanita. Dalam episod Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dua peginovasi melepasi sesi uji bakat. Syla Khecheni berjaya untuk memasuki fasa prototaip dengan Penghalang Dron Privasi Rumah rumit yang menghentikan transmisi video tanpa merosakkan sumber isyarat intrusif. Sementara itu, rakan peserta Rooda Al Qebaisi mengalu-alukan peluang untuk menguji Pengurus Tempat Duduk VIP Dinamik beliau.

Sifat arif dalam perniagaan Anna Malek mendorong minat beliau untuk memastikan Tempat Duduk Kereta Pintar beliau bukan sahaja melindungi bayi baru lahir, tetapi turut memberi ketenangan kepada ibu bapa; manakala penyelidik saintifik Nour Majbour akan mengusahakan Kit Pengesanan Awal Parkinson beliau dan berminat untuk mencari cara binari bagi mengesan tanda-tanda penyakit tersebut.

Kumpulan peserta terbesar tahun ini adalah daripada pusingan bioperubatan, dengan 10 peserta berada dalam senarai pendek dan lima peserta berjaya tersenarai sebagai sembilan yang terbaik. Dalam episod akan datang, pakar bedah saraf Walid Albanna akan mengusahakan Penganalisis Google Neurovaskular beliau, direka untuk membantu doktor-doktor mengesan tanda-tanda awal strok berulang. Ahmed Zahlan, peginovasi termuda dalam rancangan tersebut, meletakkan harapan tinggi agar Pengesan Gluten Tanpa Sentuh beliau akhirnya akan digunakan oleh mereka yang bergelut dengan alahan berkaitan gluten. Didorong oleh semangat beliau terhadap keputusan yang boleh diukur, Abdullah Al Sairafi akan dilihat menyasarkan untuk menyempurnakan Tempelan Prestasi Sukan beliau.

Dengan hanya dua tempat berbaki selepas pusingan ini, lima peserta yang meletakkan harapan daripada episod tenaga dan alam sekitar bersaing untuk merebut peluang terakhir bagi menempah tempat mereka antara sembilan yang terbaik dalam rancangan tersebut. Artis Salim Al Kaabi telah terpilih untuk mengusahakan Varnis Setinggi Selamat untuk Artis milik beliau, produk yang mencegah kesan-kesan sampingan varnis sambil mengekalkan kebolehnya untuk menghasilkan lukisan abadi. Sementara itu, Ghassan Oueidat menonjol menerusi idea baharu beliau menggunakan Bot Pencuci Ais Kering bagi membersihkan blok

menara secara berautonomi. Para penonton boleh menyaksikan pada 20 Oktober untuk episod prototaip yang padat dengan aksi.

Mariam Diefallah, +974-6683-6932, [MDiefallah@webershandwick.com](mailto:MDiefallah@webershandwick.com)

(Foto: [https://mma.prnewswire.com/media/770179/Stars\\_of\\_Science.jpg](https://mma.prnewswire.com/media/770179/Stars_of_Science.jpg) )

Sumber: Stars of Science